

**ENAKMEN 7 TAHUN 2002  
ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI MELAKA) 2002**

**BAHAGIAN XI - AM**

---

**Seksyen 110. Kuasa am untuk membuat peraturan-peraturan.**

(1) Majlis boleh, dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong, membuat peraturan-peraturan yang hendaklah disiarkan dalam *Warta* bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Enakmen ini.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan kuasa yang diberikan di bawah subseksyen (1), peraturan-peraturan boleh dibuat untuk mengadakan peruntukan bagi-

(a) tatacara Majlis, bentuk dan cara penyempurnaan surat cara oleh Majlis, dan pelantikan pegawai-pegawai Majlis;

(b) fi yang kena dibayar berkenaan dengan apa-apa tindakan atau perkara yang dilakukan di bawah atau menurut Enakmen ini, dan cara memungut dan melupuskan fi itu;

(c) pelantikan jawatankuasa-jawatankuasa Majlis dan kuasa, kewajipan dan tatacaranya;

(d) borang, daftar, buku akaun, laporan, akaun, anggaran, dan dokumen lain yang hendak digunakan berkenaan dengan apa-apa tindakan atau perkara yang dilakukan di bawah atau menurut Enakmen ini;

(e) pengelolaan apa-apa pungutan khairat dan pelupusan hasilnya;

(f) pengelolaan mana-mana masjid atau surau atau tanah perkuburan dan semua perkara yang berhubungan denganya;

(g) kuasa dan kewajipan mana-mana Pegawai Masjid;

(h) penentuan dan pindaan sempadan kariah masjid;

(i) penjagaan dan pengajaran bagi muallaf, dan kaedah untuk mendaftarkan muallaf;

(j) tertakluk kepada Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam (Melaka) 2002, pentadbiran sekolah-sekolah agama Islam dan aktiviti yang berkaitan dengan pengajaran agama Islam; dan

(k) perkara-perkara lain yang perlu bagi maksud melaksanakan peruntukan-peruntukan Enakmen ini.

---